

DR. 43/91

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG
LEMBAGA PEMBANGUNAN LABUAN 1991

SUSUNAN PASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

LEMBAGA

3. Lembaga.
4. Fungsi-fungsi Lembaga.
5. Keanggotaan Lembaga.
6. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948.
7. Pengkhidmat awam.
8. Kuasa Menteri untuk memberikan arahan.
9. Kawasan Lembaga Pembangunan Labuan.
10. Penyata, laporan, akaun dan maklumat.

BAHAGIAN III

PENGERUSI, PEGAWAI, PENGKHIDMAT

11. Pengerusi.
12. Pengurus Besar.
13. Perlantikan pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Lembaga.
14. Peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat-syarat perkhidmatan.
15. Peraturan-peraturan berkenaan dengan tatatertib.

BAHAGIAN IV

KEWANGAN

Fasal

16. Kumpulan Wang.
17. Pemeliharaan Kumpulan Wang.
18. Kumpulan wang rizab.
19. Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang.
20. Perbelanjaan dan penyediaan anggaran.
21. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980.

BAHAGIAN V

KUASA-KUASA DAN FUNGSI-FUNGSI LAIN LEMBAGA

22. Bidang kuasa Lembaga.
23. Kuasa untuk meminjam.
24. Pelaburan.
25. Kuasa untuk mengguna-khidmat,
26. Kuasa untuk memberikan pinjaman.
27. Kuasa untuk menubuhkan perbadanan.
28. Pengambilan tanah.

BAHAGIAN VI

AM

29. Obligasi menyimpan rahsia.
30. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.
31. Perkara-perkara yang dilakukan dengan menjangkakan Akta ini akan diperbuat.
32. Pengubahsuaian.
33. Ketakpakaian.

JADUAL PERTAMA.

JADUAL KEDUA.

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk memperbadankan Lembaga Pembangunan Labuan dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

□

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Pembangunan Labuan 1991 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh mula berkuatkuasa yang berlainan bagi peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

¹Tafsiran.

"Kawasan Lembaga Pembangunan Labuan" ertinya kawasan atau kawasan-kawasan yang ditentukan oleh Menteri mengikut seksyen 9;

"Kumpulan Wang" ertinya kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 16;

"Lembaga" ertinya Lembaga Pembangunan Labuan yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

"Menteri" ertinya Menteri Kewangan;

"Pengerusi" ertinya Pengerusi Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 5;

"Pengurus Besar" ertinya Pengurus Besar yang dilantik di bawah subseksyen 12(1) dan termasuklah mana-mana pegawai yang diarahkan, di bawah subseksyen 12(5), supaya melaksanakan tugas-tugas Pengurus Besar;

"perbadanan" ertinya perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 27;

"syarikat" mempunyai erti yang sama seperti yang diberikan kepada "perbadanan" di bawah subseksyen 4(1) Akta Syarikat 1965.

Akta 125.

BAHAGIAN II

LEMBAGA

Lembaga.

3. Maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu pertubuhan perbadanan bernama "Lembaga Pembangunan Labuan" yang kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai biasa, yang boleh mendakwa dan didakwa atas namanya dan, tertakluk kepada dan bagi maksud-maksud Akta ini, boleh membuat kontrak dan boleh memperolehi, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih dan boleh memindahkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadai-janji, mendemis, menyerahhakkan semula, memindahmilikkan atau dengan apa-apa cara lain melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai, apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan mengenainya yang terletak pada Lembaga, mengikut apa-apa terma yang difikirkannya patut.

4. (1) Fungsi-fungsi Lembaga ialah—

Fungsi-fungsi
Lembaga.

- (a) memajukan dan menggalakkan Kawasan Lembaga Pembangunan Labuan sebagai pusat kewangan luar pesisir antarabangsa, destinasi pelancongan dan kawasan bebas duti;
- (b) memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Labuan;
- (c) memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan komersil, pembangunan pelancongan dan infrastruktur serta juga pembangunan tempat tinggal, pertanian dan perindustrian dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Labuan; dan
- (d) menyelaraskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang tersebut dalam perenggan (a), (b) dan (c) dalam Kawasan Pembangunan Labuan.

(2) Lembaga adalah berkuasa melakukan segala perkara yang suaimanfaat atau yang semunasabahnya perlu bagi, atau bersampingan dengan, pelaksanaan fungsi-fungsinya dan, khususnya, tetapi tanpa menjejaskan keluasan yang tersebut di atas—

- (a) menjalankan segala aktiviti, khususnya aktiviti-aktiviti yang bersifat komersil atau perindustrian, aktiviti-aktiviti yang berhubungan dengan pelancongan dan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan latihan, yang penjalanannya didapati oleh Lembaga adalah perlu, berfaedah atau sesuai bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsi-fungsinya;
- (b) mendayausahakan kajian-kajian permulaan mengenai kawasan-kawasan pembangunan dan pembangunan semula yang mungkin dan membuat rancangan-rancangan permulaan yang menggariskan aktiviti-aktiviti pembangunan atau pembangunan semula dan tinjauan-tinjauan permulaan untuk menentukan sama ada

pengusahaan atau pembangunan semula boleh dilaksanakan;

- (c) bekerjasama dengan atau bertindak sebagai ejen atau ejen pengurus bagi, atau bertindak dengan apa-apa cara lain bersama dengan atau bagi pihak, Kerajaan Persekutuan, mana-mana pihak berkuasa awam, mana-mana syarikat atau perbadanan, atau mana-mana badan atau orang lain;
- (d) memajukan dan menyelaraskan penjalanan aktiviti-aktiviti yang tersebut dalam perenggan (a) dan (b) oleh Kerajaan Persekutuan, mana-mana pihak berkuasa awam, mana-mana syarikat atau perbadanan, atau mana-mana badan atau orang lain;
- (e) dengan kelulusan Menteri, menubuhkan atau memperkembangkan, atau memajukan penubuhan atau pengembangan, syarikat-syarikat, perbadanan-perbadanan atau badan-badan lain untuk menjalankan mana-mana aktiviti yang tersebut dalam perenggan (a) dan (b) sama ada di bawah kawalan atau kawalan separa Lembaga atau secara bebas;
- (f) memberikan bantuan kepada mana-mana pihak berkuasa awam, mana-mana syarikat atau perbadanan, atau mana-mana badan atau orang lain, yang didapati oleh Lembaga mempunyai kemudahan-kemudahan untuk menjalankan mana-mana aktiviti yang tersebut dalam perenggan (a) dan (b), termasuk, dengan kelulusan Menteri, bantuan kewangan melalui pengambilan modal syer atau pinjaman atau melalui pinjaman atau selainnya;
- (g) dengan kelulusan Menteri, mengunderait atau dengan apa-apa cara lain memperolehi apa-apa stok dan syer dalam mana-mana syarikat awam atau persendirian, dan melupuskannya mengikut apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri;

- (h) menghendaki jabatan-jabatan kerajaan dan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang menjalankan atau bercadang hendak menjalankan pembangunan dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Labuan mengemukakan laporan-laporan yang mengandungi apa-apa butir dan maklumat yang ditentukan oleh Lembaga mengenai aktiviti-aktivitinya atau aktiviti-aktiviti cadangannya;
- (i) dengan kelulusan Menteri, melupuskan aset modal dan menggunakan hasil daripada pelupusan itu sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri;
- (j) melantik ejen-ejen yang difikirkannya patut bagi maksud melaksanakan fungsi-fungsinya;
- (k) mengenakan fee atau apa-apa caj lain yang difikirkannya patut bagi melaksanakan mana-mana fungsi atau kuasanya;
- (l) mengawalselia, menyelaraskan dan mengusahakan pembangunan, termasuk pembangunan infrastruktur, dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Labuan; dan
- (m) melakukan apa-apa perkara lain yang difikirkannya patut bagi membolehkannya menjalankan fungsi-fungsi dan kuasa-kuasanya dengan berkesan.

(3) Tertakluk kepada seksyen 8, adalah menjadi tanggungjawab Lembaga dalam melaksanakan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini untuk memastikan bahawa fungsi-fungsi itu dilaksanakan mengikut cara yang dapat menjayakan dasar Kerajaan Persekutuan yang sedang berkuatkuasa dan khususnya dasar yang berhubungan dengan pembangunan pusat kewangan luar pesisir antarabangsa, pembangunan pelaburan, pelancongan dan pertukaran wang asing dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Labuan.

Keanggotaan Lembaga. 5. (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota-anggota yang berikut:

(a) seorang Pengerusi; dan

(b) lima orang anggota lain,

yang hendaklah dilantik oleh Menteri.

(2) Peruntukan-peruntukan Jadual Pertama hendaklah terpakai bagi Lembaga.

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948. *Akta 189.* 6. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 adalah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Lembaga atau terhadap mana-mana anggota, pegawai, pengkhidmat atau ejen Lembaga berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaihan atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifat yang sedemikian itu.

Pengkhidmat awam. 7. Semua anggota, pegawai dan pengkhidmat Lembaga, semasa menunaikan kewajipan-kewajipan mereka sebagai anggota, pegawai dan pengkhidmat Lembaga, hendaklah disifatkan sebagai pengkhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

*N.M.B.
Bab 45.*

Kuasa Menteri untuk memberikan arahan. 8. Lembaga hendaklah bertanggungjawab kepada Menteri, dan Menteri boleh dari semasa ke semasa memberikan arahan-arahan yang tidak tak konsisten dengan peruntukan-peruntukan Akta ini dan Lembaga hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, melaksanakan segala arahan sedemikian.

Kawasan Lembaga Pembangunan Labuan.

9. (1) Bagi maksud-maksud Akta ini, Menteri boleh dari semasa ke semasa menentukan, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, kawasan atau kawasan-kawasan yang di dalamnya Lembaga hendaklah melaksanakan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini dan kawasan atau kawasan-kawasan itu hendaklah dikenali sebagai "Kawasan Lembaga Pembangunan Labuan".

(2) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis lain, adalah menjadi tanggungjawab Lembaga untuk melaksanakan, dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Labuan, fungsi-fungsi yang diperuntukkan oleh Akta ini.

10. (1) Lembaga hendaklah memberi Menteri, dan mana-mana pihak berkuasa awam sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri, apa-apa penyata, laporan, akaun dan maklumat berkenaan dengan harta dan aktiviti-aktiviti Lembaga sebagaimana yang dikehendaki atau diarahkan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

Penyata,
laporan,
akaun dan
maklumat.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan peruntukan-peruntukan subseksyen (1), Lembaga hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik selepas akhir setiap tahun kewangan, menyebabkan dibuat dan dihantar kepada Menteri dan, jika diarahkan sedemikian oleh Menteri, kepada mana-mana pihak berkuasa awam lain suatu laporan yang memperkatakan aktiviti-aktiviti Lembaga sepanjang tahun kewangan yang sebelumnya dan laporan itu hendaklah dalam bentuk serta hendaklah mengandungi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan prosiding dan dasar Lembaga sebagaimana yang dinyatakan dari semasa ke semasa oleh Menteri.

BAHAGIAN III

PENGERUSI, PEGAWAI, PENGKHIDMAT

11. (1) Tanpa menjejaskan peruntukan-peruntukan lain Akta ini, Pengerusi hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan yang ditentukan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

Pengerusi.

(2) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, mewakilkan kepada Pengerusi semua atau mana-mana fungsi yang diletakhakkan pada atau dikenakan ke atas Lembaga oleh Akta ini dan mana-mana fungsi, kuasa atau kewajipan yang diwakilkan sedemikian boleh dilaksanakan, dijalankan atau ditunaikan oleh Pengerusi atas nama dan bagi pihak Lembaga.

(3) Tiap-tiap perwakilan di bawah subseksyen (2) hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

Pengurus
Besar.

12. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, melantik seorang ketua pegawai eksekutif, yang bergelar "Pengurus Besar", atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya wajar dan meletakkan padanya apa-apa kuasa dan mempertanggungjawabkan atasnya apa-apa kewajipan yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Pengurus Besar hendaklah bertanggungjawab bagi—

- (a) penyediaan program-program, skim-skim dan projek-projek untuk pertimbangan Lembaga;
- (b) pelaksanaan segala program, skim dan projek Lembaga; dan
- (c) pelaksanaan keputusan-keputusan Lembaga dan arahan-arahan Pengerusi.

(3) Pengurus Besar hendaklah mempunyai kuasa pengawalan am atas pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat lain Lembaga.

(4) Pengurus Besar hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan tambahan yang diarahkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

(5) Jika Pengurus Besar tidak ada buat sementara di dalam Malaysia atau tidak berupaya buat sementara, oleh sebab sakit atau kerana apa-apa sebab lain yang cukup, untuk melaksanakan kewajipan-kewajipannya, Lembaga boleh mengarahkan mana-mana pegawai lain melaksanakan kewajipan-kewajipan Pengurus Besar dalam masa Pengurus Besar tidak ada atau tidak berupaya buat sementara itu.

Perlantikan
pegawai-
pegawai dan
pengkhidmat-
pengkhidmat
Lembaga.

13. (1) Tertakhik kepada apa-apa peraturan yang dibuat di bawah seksyen 14, Lembaga boleh melantik, atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya wajar, pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat yang perlu bagi menjalankan maksud-maksud Akta ini.

(2) Tiada seorang pun layak diambil kerja sebagai pegawai atau pengkhidmat Lembaga, jika dia, secara langsung atau secara tak langsung, mempunyai sendiri atau melalui pekongsinya apa-apa syer atau kepentingan dalam apa-apa kontrak, atau kontrak yang dicadangkan, dengan, untuk atau bagi pihak Lembaga.

14. Lembaga boleh dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat-syarat perkhidmatan pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Lembaga.

Peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat-syarat perkhidmatan.

15. (1) Lembaga boleh dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan tata tertib pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Lembaga,

Peraturan-peraturan berkenaan dengan tata tertib.

(2) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh termasuk peruntukan-peruntukan bagi—

- (a) penahanan kerja dengan pengurangan gaji atau saraan lain; atau
- (b) penggantungan kerja tanpa gaji atau saraan lain,

seseorang pegawai atau pengkhidmat Lembaga sementara menanti keputusan prosiding tata tertib terhadapnya.

(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah mewujudkan apa-apa kesalahan tata tertib dan mengadakan peruntukan bagi apa-apa hukuman tata tertib yang difikirkan sesuai oleh Lembaga, dan hukuman-hukuman yang diperuntukkan sedemikian boleh meliputi pembuangan kerja atau penurunan pangkat.

(4) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah, dalam menetapkan prosedur bagi prosiding tata tertib, memberikan peluang kepada orang yang terhadapnya prosiding tata tertib itu diambil membuat representasi sebelum keputusan diambil oleh Lembaga atas pertuduhan tata tertib terhadap orang itu.

BAHAGIAN IV

KEWANGAN

Kumpulan
Wang.

16. (1) Maka adalah dengan ini ditubuhkan, bagi maksud-maksud Akta ini, suatu kumpulan wang yang hendaklah ditadbirkan dan dikawal oleh Lembaga.

(2) Kumpulan Wang hendaklah terdiri daripada—

- (a) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan dari semasa ke semasa bagi maksud-maksud Akta ini oleh Parlimen;
- (b) apa-apa jumlah wang yang dibayar dari semasa ke semasa kepada Lembaga daripada pinjaman-pinjaman yang diberikan oleh Lembaga;
- (c) wang yang didapati daripada perjalanan apa-apa projek, skim atau perusahaan yang dibiayai daripada Kumpulan Wang;
- (d) wang yang didapati atau terbit daripada apa-apa harta, pelaburan, gadai-janji, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau yang terletak pada Lembaga;
- (e) apa-apa harta, pelaburan, gadai-janji, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau yang terletak pada Lembaga;
- (f) jumlah-jumlah wang yang dipinjam oleh Lembaga bagi maksud menjelaskan mana-mana obligasinya atau menunaikan mana-mana kewajipannya; dan
- (g) segala wang atau harta lain yang mungkin dengan apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada, atau terletak pada, Lembaga berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan fungsi-fungsi, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipannya.

Pemeliharaan
Kumpulan
Wang.

17. Maka adalah menjadi kewajipan Lembaga memelihara Kumpulan Wang dengan melaksanakan, menjalankan dan menunaikan fungsi-fungsi, kuasa-

kuasa dan kewajipan-kewajipannya di bawah Akta ini untuk memastikan bahawa jumlah hasil Lembaga, tertakluk kepada apa-apa arahan yang diberikan oleh Menteri, cukup untuk membayar semua wang yang boleh dipertanggungjawabkan dengan sepatutnya kepada akaun hasilnya, termasuk susut nilai dan bunga atas modal, dari setahun ke setahun.

18. Lembaga hendaklah menubuhkan dan menguruskan suatu kumpulan wang rizab dalam Kumpulan Wang.

Kumpulan wang rizab.

19. Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud—

Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang.

- (a) memberikan pinjaman di bawah seksyen 26;
- (b) membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dengan sah oleh Lembaga, termasuk kos dan fee ukur dan guaman dan kos-kos dan fee-fee yang lain, dan saraan bagi pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat yang dilantik dan diambil kerja oleh Lembaga, termasuk elaun persaraan, pencen atau ganjaran;
- (c) membayar apa-apa belanja, kos atau perbelanjaan lain yang dilakukan atau disetujui terima dengan sepatutnya oleh Lembaga dalam melaksanakan fungsi-fungsinya atau menjalankan kuasa-kuasanya di bawah seksyen 4;
- (d) membeli atau menyewa loji, kelengkapan, jentera, barang-barang simpanan dan apa-apa bahan lain, memperolehi tanah dan mendirikan bangunan-bangunan, dan menjalankan apa-apa kerja dan usaha lain dalam melaksanakan fungsi-fungsinya atau menjalankan kuasa-kuasanya di bawah seksyen 4;
- (e) membayar balik apa-apa wang yang dipinjam di bawah Akta ini dan bunga yang kena dibayar atasnya; dan
- (f) pada amnya, membayar apa-apa perbelanjaan bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini.

Perbelanjaan dan penyediaan anggaran.

20. (1) Perbelanjaan Lembaga hingga sebanyak yang dibenarkan oleh Menteri bagi mana-mana satu tahun hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang.

(2) Sebelum permulaan bulan September setiap tahun, Lembaga hendaklah mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran perbelanjaan (termasuk perbelanjaan bagi projek-projek pembangunan) bagi tahun yang berikutnya dalam apa-apa bentuk dan yang mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri; dan sebelum permulaan tahun yang berikutnya Menteri hendaklah memberitahu Lembaga amaan yang dibenarkan bagi perbelanjaan pada amnya atau amaan yang dibenarkan bagi setiap jenis perbelanjaan.

(3) Lembaga boleh pada bila-bila masa mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran tambahan bagi mana-mana satu tahun dan Menteri boleh membenarkan kesemua atau mana-mana bahagian daripada perbelanjaan tambahan yang termasuk dalam anggaran tambahan itu.

(4) Menteri boleh mengarahkan Lembaga mengemukakan suatu salinan anggaran atau anggaran tambahan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada mana-mana pihak berkuasa awam lain sebagaimana yang dinyatakan dalam arahan itu.

Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980.

21. Peruntukan-peruntukan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 adalah terpakai bagi Lembaga dan mana-mana perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta ini.

BAHAGIAN V

KUASA-KUASA DAN FUNGSI-FUNGSI LAIN LEMBAGA

Bidang kuasa Lembaga.

22. (1) Lembaga hendaklah mempunyai bidang kuasa ke atas perkara-perkara yang berikut di Kawasan Lembaga Pembangunan Labuan:

(a) walau apa pun mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan perancangan bandar yang terpakai di Kawasan Lembaga Pembangunan

Labuan, kuasa untuk mengawalselia, meluluskan atau mengawal segala bangunan dan pengendalian bangunan dan pembaikan serta penghapusan bangunan-bangunan puing dan berbahaya, termasuk kuasa untuk melarang pembinaan bangunan daripada sesuatu kelas, rekabentuk atau rupa tertentu dalam daerah-daerah, kawasan-kawasan tempatan atau jalan-jalan atau bahagian-bahagian jalan tertentu;

- (b) penyediaan, pengusahaan dan pengawalan skim-skim bagi susun atur bangunan dan penempatan yang lebih baik;
- (c) kuasa untuk melesen dan mengawal—
 - (i) rumah tumpangan dan hotel;
 - (ii) restoran, kedai masak, kedai makan, kedai kopi, warong makanan dan kedai roti dan kek; dan
 - (iii) kedai dobi dan tempat bagi membasuh kain baju;
- (d) pewujudan, pembinaan, penyenggaraan atau pengawalan pasar-pasar dan bangunan-bangunan atau bahagian-bahagian bangunan itu dan warong-warong di dalamnya;
- (e) pewujudan, pengawalan dan pengurusan lapangan-lapangan rekreasi, kawasan-kawasan terbuka dan taman-taman;
- (f) pengadaan apa-apa peralatan bagi permainan atau rekreasi berkenaan dengan mana-mana lapangan permainan, taman, medan dan lapangan rekreasi awam di bawah kawalan Lembaga, kuasa untuk membenarkan mana-mana orang, kelab atau badan mengadakan mana-mana peralatan sedemikian atas apa-apa terma yang ditentukan oleh Lembaga, dan pewujudan, penyenggaraan dan pengawalan bilik kudapan, kedai kopi dan restoran di mana-mana tempat sedemikian dan kuasa untuk menyewakan mana-mana tempat sedemikian

atau mana-mana bangunan, struktur atau peralatan yang diwujudkan atau diadakan berkaitan dengannya kepada mana-mana orang atau kelab atau mana-mana kumpulan orang yang lain; dan

- (g) penggalakan kesenian, pertukangan, rekreasi, sukan dan kebajikan penduduk-penduduk Kawasan Lembaga Pembangunan Labuan.

(2) Majlis Perbandaran Labuan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, terhenti mempunyai bidang kuasa ke atas mana-mana perkara yang dinyatakan dalam subseksyen (1) di Kawasan Lembaga Pembangunan Labuan.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), Menteri boleh, melalui perintah yang hendaklah disiarkan dalam *Warta*, menghendaki Majlis Perbandaran Labuan menjalankan apa-apa kuasa atau menunaikan apa-apa kewajipan yang dinyatakan oleh Menteri dalam perintah itu berkenaan dengan mana-mana perkara yang dinyatakan dalam subseksyen (1).

(4) Mana-mana undang-undang kecil yang berkuatkuasa di Kawasan Lembaga Pembangunan Labuan sebelum sahaja mula berkuatkuasanya subseksyen (2) berkenaan dengan mana-mana perkara yang dinyatakan dalam subseksyen (1) hendaklah terus berkuatkuasa dalam Kawasan itu dan boleh dipinda, digantikan atau dibatalkan oleh Lembaga di bawah peruntukan Ordinan Kerajaan Tempatan Sabah yang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan Labuan sebagaimana yang diubahsuaikan melalui Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian Ordinan Kerajaan Tempatan) 1984 seolah-olah Lembaga ialah Pihak Berkuasa mengikut pengertian Ordinan itu sebagaimana yang diubahsuaikan sedemikian, dan kuasa bagi memberikan apa-apa lesen atau kebenaran di bawah mana-mana undang-undang kecil itu dan bagi menggantung, membatalkan atau membaharui lesen atau kebenaran sedemikian hendaklah terletak pada Lembaga.

Ord Sabah
11 tahun
1961.
P.U.(A)
169184.

(5) Bagi maksud subseksyen (4), sebutan-sebutan dalam mana-mana undang-undang kecil yang disebutkan dalam subseksyen itu mengenai "Labuan Municipal Council" atau "Council" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan-sebutan mengenai Lembaga.

(6) Jika ada apa-apa pertikaian tentang sama ada sesuatu perkara tertentu adalah di dalam bidang kuasa Lembaga atau Majlis Perbandaran Labuan, pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Menteri dan keputusan Menteri adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan di mana-mana mahkamah.

23. (1) Lembaga boleh dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri, meminjam, atas apa-apa kadar bunga dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma tentang masa dan cara pembayaran balik dan selainnya sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri, apa-apa jumlah wang yang diperlukan oleh Lembaga bagi menjelaskan mana-mana obligasinya atau bagi menunaikan mana-mana kewajipannya.

Kuasa untuk meminjam.

(2) Lembaga boleh dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri, meminjam wang melalui pengeluaran bon, debentur atau stok daripada apa-apa kelas dan nitai dan atas apa-apa terma yang difikirkannya suaimanfaat, dengan kelulusan Menteri, bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

- (a) peruntukan modal kerja;
- (b) pelaksanaan fungsi-fungsi, perjalanan kuasa-kuasa dan penunaian kewajipan-kewajipan Lembaga di bawah Akta ini;
- (c) pelaksanaan apa-apa fungsi tambahan yang diusahakan oleh Lembaga di bawah Akta ini;
- (d) penebusan apa-apa syer atau stok yang ia dikehendaki atau berhak menebusnya; dan
- (e) apa-apa perbelanjaan lain yang boleh dipertanggungkan dengan sepatutnya pada akaun modal.

- Peiaburan. 24. Aset Lembaga, setakat yang tidak dikehendaki untuk dibelanjakan oleh Lembaga di bawah Akta ini, hendaklah dilaburkan mengikut cara yang diluluskan oleh Menteri.
- Kuasa untuk menggunakan-khidmat. 25. Lembaga boleh menggunakan-khidmat dan membayar ejen-ejen dan penasihat-penasihat teknik, termasuk peguambela dan peguamcara, jurubank, broker saham, juruukur, penilai dan orang-orang lain, untuk menjalankan apa-apa urusan atau melakukan apa-apa perbuatan yang dikehendaki dijalankan atau dilakukan dalam melaksanakan fungsi-fungsinya, menjalankan kuasa-kuasanya atau menunaikan kewajipan-kewajipannya atau bagi melaksanakan maksud-maksud Akta ini dengan lebih baik.
- Kuasa untuk memberikan pinjaman. 26. Pada melaksanakan fungsi-fungsinya, menjalankan kuasa-kuasanya atau menunaikan kewajipan-kewajipannya Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, memberikan pinjaman, dan pinjaman itu boleh diberikan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan oleh Lembaga, dengan kelulusan Menteri, patut dikenakan dalam hal-hal tertentu.
- Kuasa untuk menubuhkan perbadanan. 27. (1) Lembaga boleh dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menubuhkan sesuatu perbadanan, dengan apa-apa nama yang difikirkan patut oleh Lembaga, untuk melaksanakan dan untuk menjaga, mengelolakan dan menguruskan apa-apa projek, skim atau perusahaan yang telah dirancang atau diusahakan oleh Lembaga pada melaksanakan fungsi-fungsinya, menjalankan kuasa-kuasanya atau menunaikan kewajipan-kewajipannya.
- (2) Peruntukan-peruntukan Jadual Kedua adalah terpakai bagi tiap-tiap perbadanan yang ditubuhkan oleh Lembaga di bawah subseksyen (1).
- Pengambilan tanah. 28. (1) Apabila apa-apa harta tak alih yang bukan tanah Kerajaan perlu diambil oleh Lembaga bagi maksud-maksud Akta ini, harta itu boleh diambil mengikut peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang

bertulis yang sedang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan Labuan berhubung dengan pengambilan tanah bagi sesuatu maksud awam, dan apa-apa akuan yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang bertulis itu bahawa tanah itu diperlukan sedemikian boleh dibuat walaupun pampasan akan dibayar oleh Lembaga, dan akuan itu hendaklah mempunyai kuatkuasa seolah-olah ia adalah suatu akuan bahawa tanah itu diperlukan bagi suatu maksud awam mengikut undang-undang bertulis itu.

(2) Segala belanja dan pampasan yang kena dibayar bagi pengambilan mana-mana harta tak alih di bawah seksyen ini hendaklah dibayar oleh Lembaga.

(3) Jika apa-apa harta tak alih telah diambil di bawah seksyen ini, Lembaga hendaklah mengambil cabutan dokumen hakmilik yang perlu berkenaan dengan harta itu dan hendaklah membayar apa-apa sewa yang dikenakan atas harta itu.

BAHAGIAN VI

AM

29. (1) Kecuali bagi mana-mana maksud Akta ini atau bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis, tiada anggota, pegawai atau pengkhidmat Lembaga boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang telah diperolehinya semasa menjalankan kewajipan-kewajipannya dan yang tidak disiarkan menurut Akta ini.

Obligasi menyimpan rahsia.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau kedua-duanya.

30. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat apa-apa peraturan yang suaimanfaat atau perlu bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini dengan lebih baik.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat bagi—

- (a) mengawalselia pembangunan tanah di Kawasan Lembaga Pembangunan Labuan dan pada amnya membuat peruntukan bagi pembangunan tanah yang teratur di Kawasan Lembaga Pembangunan Labuan;
- (b) menetapkan cara bagaimana apa-apa jenis dokumen, cek dan suratcara akan ditandatangani atau disempurnakan bagi pihak Lembaga;
- (c) menetapkan tanggungjawab dan kawalan pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Lembaga;
- (d) mengenakan fee dalam hal-hal yang ditentukan oleh Lembaga;
- (e) mengadakan peruntukan mengenai apa-apa perkara berkaitan dengan syer, stok, bon, debentur atau stok debentur yang dikeluarkan di bawah Akta ini yang didapati oleh Lembaga adalah perlu atau suaimanfaat, dan, khususnya, bagi mengawalselia kaedah pengeluaran, pemindahmilikan, penebusan atau urusan-urusan lain mengenai syer, stok, bon, debentur atau stok debentur itu;
- (f) menetapkan cara bagaimana dan terma-terma dan syarat-syarat yang atasnya pinjaman boleh diberikan oleh Lembaga di bawah seksyen 26; dan
- (g) mengadakan peruntukan pada amnya mengenai pelaksanaan fungsi-fungsi, penjalanan kuasa-kuasa dan penunaian kewajipan-kewajipan Lembaga di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini.

(3) Peraturan-peraturan di bawah seksyen ini—

- (a) boleh memperuntukkan bahawa apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang melanggar mana-mana peruntutannya adalah menjadi suatu kesalahan; dan

- (b) boleh mengadakan peruntukan bagi pengenaan penalti, yang tidak boleh melebihi satu ribu ringgit, bagi kesalahan itu.

31. Segala perkara yang dilakukan oleh mana-mana orang atau pihak berkuasa bagi pihak Lembaga pada menyediakan dan ke arah pelaksanaan sepatutnya mana-mana peruntukan Akta ini, dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubungan dengannya, dengan menjangkakan bahawa Akta ini akan diperbuat hendaklah disifatkan telah dibenarkan oleh Akta ini, dan segala hak yang diperolehi atau obligasi yang ditanggung bagi pihak Lembaga daripada apa-apa jua yang dilakukan sedemikian hendaklah, apabila Akta ini mula berkuatkuasa, disifatkan sebagai hak dan obligasi Lembaga.

Perkara-perkara yang dilakukan dengan menjangkakan Akta ini akan diperbuat.

32. (1) Suratcara Majlis Perbandaran Labuan 1983 hendaklah terpakai di Kawasan Lembaga Pembangunan Labuan tertakluk kepada ubahsuaian-ubahsuaian yang berikut:

Pengubahsuaian. Sabah No. S34 tahun 1983.

- (a) dalam perenggan 15(a), perkataan "paragraphs (23), (43), (46), (49), (50), (51)" hendaklah digantikan dengan perkataan "paragraphs (43), (46)(iv), (46)(v), (46)(vi), (46)(vii), (46)(viii), (49), (51)"; dan
- (b) dalam perenggan 15(b), simbol dan angka "(34)", "(53)", "(59)", dan "(61)" hendaklah dipotong.

(2) Subseksyen (1) hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri bagi mula berkuatkuasanya subseksyen 22(2).

33. (1) Ordinan Perancangan Bandar dan Desa Sabah yang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan Labuan sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian Ordinan Perancangan Bandar dan Desa) 1985 hendaklah terhenti terpakai di Kawasan Lembaga Pembangunan Labuan pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri bagi mula berkuatkuasanya subseksyen 22(2).

Ketapaksaan. Sabah Bab 141. P U. (A) 353/85.

(2) Melainkan jika diarahkan selainnya oleh Menteri melalui perintah yang hendaklah disiarkan dalam *Warta*, mana-mana skim diluluskan yang berkuatkuasa berkenaan dengan mana-mana kawasan di Kawasan Lembaga Pembangunan Labuan sebelum sahaja tarikh yang disebutkan dalam subseksyen (1) hendaklah terus berkuatkuasa, dengan apa-apa ubahsuaian sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri dalam perintah yang dibuat di bawah subseksyen (4).

(3) Walau apa pun subseksyen (1), Menteri boleh, melalui perintah yang hendaklah disiarkan dalam *Warta*, mengarahkan supaya mana-mana peruntukan Ordinan yang disebutkan dalam subseksyen (1) sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri dalam perintah sedemikian hendaklah terpakai di Kawasan Lembaga Pembangunan Labuan.

(4) Menteri boleh, melalui perintah yang hendaklah disiarkan dalam *Warta*, membuat apa-apa ubahsuaian yang perlu atau suaimanfaat dalam Ordinan yang disebutkan dalam subseksyen (1), atau dalam skim diluluskan yang disebutkan dalam subseksyen (2), dalam pemakaiannya di Kawasan Lembaga Pembangunan Labuan berikutan dengan pembuatan perintah di bawah subseksyen (3) atau berikutan dengan kuatkuasa berterusan sesuatu skim diluluskan di bawah subseksyen (2), mengikut mana-mana yang berkenaan.

JADUAL PERTAMA

(Seksyen 5(2))

Perlantikan,
pembatalan dan
perletakan
jawatan.

1. (1) Tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam suratcara perlantikannya, seseorang anggota Lembaga hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan adalah layak dilantik semula.

(2) Perlantikan mana-mana anggota boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Menteri tanpa memberikan apa-apa sebab baginya.

(3) Seseorang anggota boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan mengutus surat kepada Menteri.

(4) Tiap-tiap orang anggota hendaklah menumpukan masa kepada urusan Lembaga sebanyak yang perlu bagi menunaikan kewajipan-kewajipannya dengan berkesan.

2. (1) Jawatan seseorang anggota Lembaga hendaklah menjadi kosong— Pengosongan jawatan

- (a) jika dia mati;
- (b) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau jika dia telah disabitkan atas, sesuatu pertuduhan berkenaan dengan—
 - (i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
 - (ii) kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah atau di bawah seksyen 29; atau
 - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun;
- (c) jika dia menjadi bankrap;
- (d) jika dia tak sempurna akal atau, kerana apa-apa sebab lain, tak berupaya menunaikan kewajipan-kewajipannya;
- (e) jika dia tidak menghadiri mesyuarat Lembaga tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Lembaga;
- (f) jika perletakan jawatannya diterima oleh Menteri; atau
- (g) jika perlantikannya dibatalkan oleh Menteri.

(2) Jika mana-mana orang terhenti menjadi anggota oleh sebab mana-mana peruntukan Akta ini, seorang lain hendaklah dilantik untuk menggantikannya mengikut peruntukan-peruntukan yang berkenaan.

3. Maka hendaklah dibayar kepada anggota-anggota Lembaga atau mana-mana orang lain (yang bukan pegawai atau pengkhidmat Lembaga yang termasuk dalam lingkungan peruntukan-peruntukan Akta ini yang berhubungan dengan terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang terpakai baginya) apa-apa saraan atau elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri. Saraan atau elaun.

4. (1) Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya dua bulan sekali. Mesyuarat

(2) Kuorum Lembaga ialah tiga orang.

(3) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, Lembaga hendaklah menetapkan prosedurnya sendiri.

Lembaga boleh mengundang orang lain menghadiri mesyuarat

5. Lembaga boleh mengundang atau meminta mana-mana orang (yang bukan anggota Lembaga) menghadiri mana-mana mesyuarat atau perbincangan Lembaga bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang dibincangkan, tetapi mana-mana orang yang hadir sedemikian tidak berhak mengundi dalam mesyuarat atau perbincangan itu.

Meterai biasa.

6. (1) Lembaga hendaklah mempunyai suatu meterai biasa yang hendaklah mengandungi apa-apa tanda yang diluluskan oleh Lembaga dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah atau dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh Lembaga, suatu cap yang mengandungi perkataan "Lembaga Pembangunan Labuan" boleh digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai biasa Lembaga.

(3) Meterai biasa itu hendaklah disimpan dalam jagaan Pengerusi atau mana-mana orang lain yang diberikuasa oleh Lembaga, dan hendaklah disahkan oleh Pengerusi atau oleh orang yang diberikuasa itu atau oleh mana-mana pegawai yang diberikuasa oleh salah seorang daripada mereka secara bertulis; dan semua suratikatan, dokumen dan suratcara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai itu, disahkan sebagaimana yang disebutkan terdahulu, hendaklah disifatkan telah disempurnakan dengan sah sehingga dibuktikan sebaliknya:

Dengan syarat bahawa apa-apa dokumen atau suratcara yang jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan tidak akan dikehendaki dimeteraikan boleh disempurnakan oleh Lembaga mengikut cara yang serupa; dan mana-mana dokumen atau suratcara itu boleh disempurnakan bagi pihak Lembaga oleh mana-mana pegawai atau pengkhidmat Lembaga yang diberikuasa secara am atau khas oleh Lembaga bagi maksud itu.

(4) Meterai biasa Lembaga hendaklah diberikan pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

Penzahiran kepentingan.

7. Seseorang anggota Lembaga yang, secara langsung atau secara tak langsung, mempunyai sendiri atau melalui pekongsinya apa-apa kepentingan dalam mana-mana syarikat atau usaha yang dengannya Lembaga bercadang hendak membuat apa-apa kontrak atau yang ada mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana kontrak itu atau dalam apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Lembaga hendaklah menzahirkan hakikat dan jenis kepentingannya itu kepada Lembaga, dan penzahiran itu hendaklah direkodkan dalam minit Lembaga dan, melainkan jika dibenarkan secara khusus oleh Pengerusi, anggota itu tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa perbincangan atau keputusan Lembaga yang berhubungan dengan kontrak atau perkara itu.

8. (1) Lembaga hendaklah menyebabkan minit segala mesyuaratnya disenggara dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya. Minit.

(2) Apa-apa minit yang dibuat mengenai mesyuarat Lembaga, jika ditandatangani dengan sewajarnya, boleh diterima sebagai keterangan dalam segala prosiding undang-undang tanpa bukti lanjut dan tiap-tiap mesyuarat Lembaga yang minit berkenaan dengan prosidingnya telah dibuat sedemikian hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

9. Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa— Kesahan perbuatan dan prosiding

- (a) ada apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau ada apa-apa kecacatan dalam penubuhan, Lembaga;
- (b) ada pelanggaran peruntukan-peruntukan perenggan 7 oleh mana-mana anggota Lembaga; atau
- (c) ada apa-apa ketinggalan, kecacatan atau ketakteraturan yang tidak menyentuh merit kes itu.

JADUAL KEDUA

(Seksyen 27(2))

1. Lembaga hendaklah, pada atau sebelum tarikh apa-apa perbadanan ditubuhkan di bawah seksyen 27, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan perbadanan itu yang menentukan— Kuasa Lembaga untuk membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan perbadanan.

- (a) maksud-maksud dan tujuan-tujuan perbadanan itu ditubuhkan;
- (b) hak-hak, kuasa-kuasa, kewajipan-kewajipan dan fungsi-fungsi perbadanan itu;
- (c) sistem pengurusan perbadanan itu; dan
- (d) hubungan antara perbadanan itu dengan Lembaga dan hak pengawalan Lembaga ke atas perbadanan itu.

2. Tiada apa-apa jua dalam perenggan 1 boleh disifatkan memberikuasa Lembaga membuat peraturan-peraturan untuk menubuhkan apa-apa perbadanan bagi apa-apa maksud atau tujuan yang lebih luas bidangnya daripada maksud-maksud atau tujuan-tujuan Lembaga itu ditubuhkan atau memberi mana-mana perbadanan apa-apa hak, kewajipan, kuasa atau fungsi yang tidak termasuk antara hak-hak, kewajipan-kewajipan, kuasa-kuasa atau fungsi-fungsi Lembaga di bawah Akta ini. Batasan kuasa menubuhkan perbadanan.

- Kuatkuasa peraturan-peraturan
3. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen 30, sesuatu perbadanan hendaklah terikat dengan apa-apa peraturan yang dibuat berkenaan dengannya di bawah perenggan 1 dan peraturan-peraturan itu hendaklah berkuatkuasa bagi segala maksud seolah-olah peraturan-peraturan itu telah diperbuat dalam Akta ini.
- Pmdaan peraturan-peraturan
4. Lembaga boleh pada bila-bila masa meminda, membatalkan, atau menambah mana-mana peraturan yang dibuat di bawah perenggan 1 berkenaan dengan mana-mana perbadanan.
- Daftar perbadanan.
5. Lembaga hendaklah menyimpan suatu daftar dalam bentuk yang ditetapkan mengenai semua perbadanan yang ditubuhkan olehnya di bawah seksyen 27 dan daftar itu, bersama dengan salinan segala peraturan yang dibuat di bawah perenggan 1 dan 4, hendaklah terbuka untuk pemeriksaan awam di tempat atau tempat-tempat dan pada bila-bila masa yang ditetapkan olehnya.
- Penggulungan
6. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengarahkan supaya mana-mana perbadanan yang ditubuhkan olehnya digulung dan dibubarkan.
- (2) Apabila mana-mana perbadanan dibubarkan di bawah perenggan ini, aset perbadanan itu hendaklah berpindah dan terletak pada Lembaga setelah segala liabilitinya ditunaikan.
- (3) Penggulungan sesuatu perbadanan di bawah perenggan ini hendaklah dijalankan mengikut cara yang ditetapkan oleh Lembaga.
- Perbadanan hendaklah menjadi perubuhan perbadanan.
7. Tiap-tiap perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 27 adalah menjadi suatu pertubuhan perbadanan dengan apa-apa nama yang diberikan oleh Lembaga dan hendaklah kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai biasa dan boleh mendakwa dan didakwa atas nama itu dan, bagi maksud melaksanakan projek, skim atau perusahaan yang kerananya ia telah ditubuhkan, boleh membuat kontrak dan boleh memegang dan membuat apa-apa urusan berkenaan dengan apa-apa harta tak alih atau harta alih dan boleh melakukan segala perkara dan benda lain yang bersampingan atau berkaitan dengan sesuatu pertubuhan perbadanan yang tidak tak konsisten dengan peruntukan-peruntukan Akta ini dan dengan tertakluk kepada apa-apa sekatan atau batasan sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga dalam setiap hal.
- Meterai biasa perbadanan.
8. (1) Tiap-tiap perbadanan hendaklah mempunyai suatu meterai biasa yang mengandungi apa-apa tanda yang diluluskan oleh perbadanan dengan kelulusan Lembaga dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh perbadanan itu dengan kelulusan Lembaga.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh sesuatu perbadanan, suatu cap yang mengandungi nama perbadanan itu melingkungi huruf "LPL" boleh digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai biasa perbadanan itu.

(3) Meterai biasa itu hendaklah disimpan dalam jagaan orang yang diberikuasa oleh perbadanaji itu dan hendaklah disahkan oleh orang itu; dan semua suratikatan, dokumen dan suratcara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai itu, disahkan sebagaimana yang disebutkan terdahulu, hendaklah disifatkan telah disempurnakan dengan sah sehingga dibuktikan sebaliknya:

Dengan syarat bahawa apa-apa dokumen atau suratcara yang jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan tidak akan dikehendaki dimeteraikan boleh disempurnakan dengan cara yang serupa oleh perbadanan itu; dan mana-mana dokumen atau suratcara itu boleh disempurnakan bagi pihak perbadanan itu oleh mana-mana pegawai atau penghidmat perbadanan itu yang diberikuasa secara am atau khas oleh perbadanan itu bagi maksud itu.

(4) Meterai biasa tiap-tiap perbadanan hendaklah diberikan pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan mewujudkan suatu pertubuhan perbadanan yang akan dikenali sebagai "Lembaga Pembangunan Labuan" dan yang akan dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab memajukan dan menggalakkan pembangunan Wilayah Persekutuan Labuan, terutamanya sebagai pusat kewangan luar pesisir antarabangsa, destinasi pelancongan dan kawasan bebas duti.

2. Bahagian I mengandungi perkara-perkara permulaan. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan-peruntukan mengenai mula berkuatkuasanya Akta yang dicadangkan ini. *Fasal 2* mengandungi takrif beberapa istilah yang digunakan dalam Rang Undang-Undang ini.

3. Bahagian II mengandungi peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan Lembaga Pembangunan Labuan. *Fasal 3* mengadakan peruntukan bagi penubuhan Lembaga itu, sementara *fasal 4* memperkatakan fungsi-fungsinya dan kuasa-kuasanya. *fasal 5* mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai keanggotaan Lembaga. *Fasal 8* bertujuan memberikan kuasa kepada Menteri untuk memberikan arahan-arahan kepada Lembaga. *Fasal 9* mengandungi peruntukan-peruntukan yang memberikan kuasa kepada Menteri untuk menentukan kawasan yang di

dalamnya Lembaga akan melaksanakan fungsi-fungsinya. *Fasal 10* menghendaki Lembaga memberikan penyata, laporan, akaun dan maklumat kepada Menteri dan pihak berkuasa awam lain sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri.

4. Bahagian III Rang Undang-Undang mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai Pengerusi, Pengurus Besar dan pegawai-pegawai serta pengkhidmat-pengkhidmat Lembaga. *Fasal 11* memperkatakan kewajipan-kewajipan Pengerusi Lembaga. *Fasal 12* mengandungi peruntukan-peruntukan bagi perlantikan seorang Pengurus Besar sementara *fasal 13* bertujuan memberikan kuasa kepada Lembaga melantik pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmatnya. *Fasal 14* dan *15* bertujuan memberikan kuasa kepada Lembaga, dengan kelulusan Menteri, untuk membuat peraturan-peraturan tentang syarat-syarat perkhidmatan dan tata tertib pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmatnya.

5. Bahagian IV mengandungi peruntukan-peruntukan kewangan. *Fasal 16* mengadakan peruntukan bagi penubuhan suatu Kumpulan Wang dan *fasal 17* bertujuan mempertanggungkan ke atas Lembaga kewajipan memelihara Kumpulan Wang itu. *Fasal 18* bertujuan menghendaki Lembaga menubuhkan suatu kumpulan wang rizab dalam Kumpulan Wang itu. *Fasal 19* menyatakan perbelanjaan yang boleh dipertanggungkan pada Kumpulan Wang itu.

6. Bahagian V memperkatakan kuasa-kuasa dan fungsi-fungsi lain Lembaga. Antara lain, ia bertujuan membenarkan Lembaga meminjam dan meminjamkan wang dan melaburkan aset yang tidak dikehendaki untuk dibelanjakan. Lembaga juga dibenarkan, di bawah *fasal 27*, untuk menubuhkan perbadanan.

7. Bahagian VI mengandungi peruntukan-peruntukan am. Antara peruntukan-peruntukan yang dicadangkan dalam Bahagian ini ialah pengenaan obligasi menyimpan rahsia ke atas anggota-anggota, pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Lembaga dan kuasa Lembaga untuk membuat peraturan-peraturan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini. [PN. (U²) 1681.]